

# Mahasiswa UMS peragakan pakaian tradisi di puncak Kinabalu

UB 05.12.2013 B4



SEBANYAK 20 jenis pakaian tradisi suku kaum di negara ini diperagakan 24 pelajar dan enam kakitangan Universiti Malaysia Sabah di puncak Gunung Kinabalu baru-baru ini.

Acara itu yang turut diisi dengan aktiviti menyumpit merupakan anjuran Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEP) dan dikendalikan sepenuhnya oleh kelab UMS Cul'Art.

Antara pakaian tradisional yang diperagakan di puncak Gunung tertinggi Malaysia itu termasuklah pakaian tradisi suku kaum Kadazan, Murut, Dusun,

**SISWA-SISWI UMS dan kakitangan Jabatan HEP UMS memperagakan pakaian tradisi di puncak Gunung Kinabalu.**

Bajau, Suluk, Melayu, Brunei, Cina, India serta beberapa pakaian tradisi daripada suku etnik yang lain.

Ketua Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Alan James berkata bagi memastikan kejayaan program itu, siswa-siswi dan kakitangan HEP yang terlibat telah mengadakan latihan kecergasan bagi mempersiapkan fizikal dan mental sebelum berjaya menempuh cabaran ke puncak gunung itu.

Menurutnya lagi, Program 1Malaysia di Puncak Gunung Kinabalu yang bertemakan 'Knows Your Origin' antara lain bertujuan menyampaikan mesej kepada masyarakat untuk mengenali dan menyemai rasa cinta terhadap pakaian tradisi suku kaum masing-masing.

Tambah beliau, konsep

1Malaysia turut ditekankan untuk memberi kesedaran mengenai perpaduan yang utuh di sebalik kepelbagaian kaum yang ada di negara ini.

"Pemakaian beraneka jenis baju tradisional membawa maksud kepada kepelbagaian kaum yang mampu bersatu dalam satu negara. Aneka jenis corak dan warna pada pakaian tradisi pula melambangkan keunikan, keindahan dan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia.

"Kejayaan mencapai objektif program untuk memartabat pakaian tradisional khususnya pakaian etnik-etnik di Sabah juga dilihat mampu menimbulkan kesedaran umum tentang perihal pentingnya menghargai budaya dan seni tempatan," katanya yang juga pencetus idea kepada penganguran program itu.